




**PANDUAN MENGISI BORANG
PENDAFTARAN PEMBAYAR CUKAI SYARIKAT
(MUAT NAIK DOKUMEN)**

Panduan Mengisi Borang Pendaftaran Pembayar Cukai Syarikat (Muat Naik Dokumen)


1. Permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat yang bermastautin di Malaysia perlulah menghantar dokumen salinan borang 9 dan borang 49 kepada LHDNM sama ada melalui faks, e-mel atau muat naik melalui internet.
2. Layari <http://ekl.hasil.org.my/ekl/infoc.php> untuk muat naik dokumen borang 9 dan borang 49 atau menyemak status permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat. Taipkan <No Permohonan> dan klik butang <Semak>.



Rajah: Skrin status dan muat naik dokumen bagi permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat

Panduan Mengisi Borang Pendaftaran Pembayar Cukai Syarikat (Muat Naik Dokumen)


3. Status permohonan pendaftaran pembayar cukai akan dipaparkan seperti di bawah. Klik butang <Browse> untuk pilih dokumen yang ingin dimuat naik. Klik butang <Muat Naik> untuk muat naik dokumen. Spesifikasi fail yang ingin dimuat naik adalah seperti berikut:
- Fail yang dimuat naik mestilah jenis *.gif atau *.jpg sahaja.
 - Saiz fail mestilah melebihi 40k dan tidak melebihi 80k.
 - Nama fail mestilah terdiri daripada angka-abjad sahaja.



Rajah: Skrin status dan muat naik dokumen bagi permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat

Panduan Mengisi Borang Pendaftaran Pembayar Cukai Syarikat (Muat Naik Dokumen)

4. Mesej <Status: Permohonan Baru.> dan mesej <1. Muat naik dokumen Borang 9 anda telah diterima> akan dipaparkan seperti rajah di bawah sekiranya dokumen borang 9 berjaya dimuat naik.



Rajah: Skrin status dan muat naik dokumen bagi permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat

5. Ulang proses muat naik seperti langkah 3 untuk muat naik dokumen Borang 49. Pemohon perlulah muat naik sekurang-kurangnya muka surat pertama Borang 49 sebelum permohonan pendaftaran pembayar cukai diproses oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.